

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, November 25, 2019 12:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUM BERJAYA SAMBUNG SEMULA PENSIJILAN MS ISO 9001:2015



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 NOVEMBER 2019 / 28 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM BERJAYA SAMBUNG SEMULA PENSIJILAN MS ISO 9001:2015



UUM ONLINE: Ketua Audit SIRIM QAS, Hanida Ghazali membentangkan laporan penemuan audit mengikut jabatan yang telah diaudit dalam Mesyuarat Penutupan Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, baru-baru ini.

Juruaudit SIRIM turut berpuas hati dengan audit pemantauan di OYAGSB dan memaklumkan pensijilan OYAGSB akan bersama dengan pensijilan UUM mulai tahun 2020. Skop OYAGSB akan dimasukkan dalam skop UUM di samping GSGSG dan AHSGS.

"Kita telah menjalankan Audit Pensijilan Semula selama tiga hari di UUM dan hasil audit yang dijalankan mendapati tiada rekod ketakakuran yang diterima oleh UUM.

“Kita melihat terdapat beberapa perkara sebagai peluang penambahbaikan. Pada tahun ini lebih ramai auditor dan sedikit berbeza dari segi sampel yang dipilih,” katanya.

Beliau turut memberi kredit kepada juruaudit dalam UUM yang telah melaksanakan audit dalaman dengan komprehensif dan terperinci.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua juruaudit daripada SIRIM QAS.

“Alhamdulillah, akhirnya selesai sudah Audit Pensijilan Semula pada tahun ini. Saya bagi pihak Naib Canselor dan seluruh warga kerja UUM mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua juruaudit daripada SIRIM QAS,” ucapnya.

Mereka terdiri daripada ketua audit Hanida Ghazali bersama juruaudit lain seperti Asiyah Haron, Mohd Nasim Zakaria dan Lt. Kol. Abd Lataf Daud telah menjalankan Audit Pensijilan Semula selama tiga hari di UUM.

“Terima kasih kepada semua jabatan yang terlibat kerana telah memberikan komitmen penuh kepada pasukan juruaudit SIRIM sepanjang 3 hari audit berlangsung,” katanya.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman tahun-tahun yang lalu, UUM bersikap terbuka terhadap apa jua cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh pihak SIRIM untuk dimanfaatkan.

Mesyuarat penutupan audit dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti serta ketua-ketua Jabatan atau wakil.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.